

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VIII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

27. Apakah perancangan untuk penempatan semula penduduk-penduduk Ladang Hong Seng, Mount Erskine yang terlibat dalam kejadian tanah mendap yang berlaku pada bulan September dan Oktober tahun 2017? Sila huraikan dengan terperinci.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Penempatan semula penduduk-penduduk di Ladang Hong Seng, Mount Erskine yang terlibat dalam kejadian tanah mendap akan dilaksanakan dalam dua (2) fasa. Fasa pertama melibatkan 30 buah rumah manakala fasa kedua pula melibatkan baki 11 buah rumah lagi. Bagi penempatan semula fasa pertama, Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan bersama pihak UDA Holdings Sdn Bhd (UDA) untuk mendapatkan 30 buah rumah ganti di projek perumahan UDA di Tanjung Tokong.

Selain itu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Jurutera Perunding telah selesai menyediakan cadangan pelan rekabentuk kerja membaik pulih dan mitigasi bagi kejadian tanah mendap di Ladang Hong Seng dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.